



ALBUM: Gambar kenangan peserta bersama Pengetua KKTUMS Dr Nizam.

Kolej Kediaman Tun Mustapha UMS pilihan lawatan JAKSA KKAA USIM

UB 5.9.2019 14

JAWATANKUASA Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTUMS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima kunjungan daripada Jawatankuasa Siswa/Siswi Kolej Kediaman (JAKSA) Kolej Kediaman Acacia Avenue (KKAA) sempena Program Tautan Mahabbah Ungkapan Salam Delegasi USIM baru-baru ini.

JAKSA KKAA USIM seramai 19 orang ini diketuai oleh Amirus Maisarah Dzohry selaku felo pengiring.

Acara dimulakan dengan sesi menyambut tetamu dimana presiden JAKMAS KKTUMS, pengarah program, felo pengiring dan pengetua KKTUMS berucap dalam majlis itu.

Sesi pertukaran cenderamata turut diadakan diantara pengetua KKTUMS dan felo KKAA.

Menurut pengarah program Nurul Hidayah Irwan, program serampang dua mata ini dapat melihat lebih dekat berkaitan pengurusan dan pentadbiran kolej kediaman di UMS disamping menjadi platform untuk mengasah bakat kepimpinan para JAKSA serta mengeratkan hubungan antara JAKSA dan JAKMAS.

Beliau turut berharap melalui program ini, bakat-bakat kepimpinan antara JAKSA dan JAKMAS dapat diteguhkan lagi melalui perkongsian serta pertukaran pendapat antara satu sama lain mengenai pengurusan dalam kolej kediaman.

Sementara itu, Pengetua KKTUMS, Kol (PA) Dr. Mohammad Nazarudin dalam ucapan berbuka, program sebegini seharusnya diteruskan bagi mengeratkan hubungan antara kedua-dua jawatankuasa pelajar.

Beliau turut berharap agar



CENDERAHATI: Penyampaian cenderahati Dr Nizam kepada Amirus Maisarah.



KEMUKA SOALAN: Sesi soal jawab para peserta semasa forum 'Kolejku Kebanggaanku'.

program sebegini tidak akan terhenti disini malah beliau mencadangkan beberapa program seperti pengajuran Simposium Pelajar Kolej Kediaman dan Program Kolej Berkembar.

Acara diteruskan dengan sesi pengenalan antara kedua-dua jawatankuasa pelajar. Masing-masing memperkenalkan diri dan berkongsi tugas exco masing-masing. Acara diteruskan dengan slot sesi perkongsian iaitu membincangkan hala tuju exco masing-masing. Satu forum turut diadakan yang bertajuk 'Kolejku Kebanggaanku'. Sesi ini menjadi lebih meriah apabila para peserta mengemukakan pelbagai soalan.

Sesipetang diteruskan selepas makan tengahari dengan lawatan sekitar KKTUMS. Lawatan dimulakan dengan melawat blok asrama pelajar dan mereka juga berpeluang menyaksikan proses

pemasangan perabut bilik yang baharu di KKTUMS.

Sesi yang terakhir menyaksikan perkongsian oleh felo KKAA USIM berkenaan GINA, GISO, GAP YEAR dan Student Watch. Tepat jam 4 petang majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati diantara kedua-dua presiden jawatankuasa mahasiswa ini.

Sebelum pulang JAKSA KKAA USIM dibawa ke beberapa tempat dalam UMS yang menjadi tarikan pelancong luar negara seperti Masjid UMS, Dewan Canselor, Menara Jam, Bangunan Pentadbiran Berkembar, Akuarium dan Tangga Pinako.

Pantai ODEC merupakan kawasan yang paling menarik perhatian kerana mereka sempat menikmati keindahan laut dan suasana matahari terbenam di pantai.